

SOALAN LAZIM
PELAKSANAAN KAWALAN OPERASI KAMPUS UTM
DALAM MENANGANI KRISIS TENAGA GLOBAL

Bil	Soalan	Jawapan
BEKERJA DARI RUMAH (BDR)		
1.	Kenapa pelaksanaan BDR di UTM tidak selaras dengan Surat Edaran JPA (Ruj. JPA.(S).800-1/1/12 Jld.2 (7) bertarikh 2 April 2026) yang menetapkan hari BDR pada hari Selasa hingga Khamis?	<p>Perenggan 6 surat edaran JPA tersebut menyatakan <i>“tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan”</i>.</p> <p>Sehubungan itu, pelaksanaan BDR dalam konteks UTM sebagai sebuah badan berkanun adalah tertakluk kepada penerimaan dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).</p> <p>Penyesuaian pelaksanaan BDR di UTM adalah bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas</p>
2.	Adakah dasar BDR sedia ada masih terpakai?	Dasar BDR sedia di bawah Ceraian SR.4.1.2 adalah masih terpakai.
3.	Bolehkah pegawai BDR dari kampung atau mana-mana lokasi pilihan selain rumah yang didaftarkan dalam Sistem UTMHR V2?	Tidak dibenarkan.
4.	Adakah perlu mengisi permohonan BDR di iGerak?	<p>Tidak perlu.</p> <p>Kehadiran staf secara automatik akan ditetapkan sebagai BDR pada hari Selasa dan Khamis sepanjang tempoh pelaksanaan kawalan operasi menangani krisis tenaga global.</p>

Bil	Soalan	Jawapan
5.	Encik A, Penolong Jurutera yang diarahkan untuk memantau kerja-kerja penggantian sebahagian bumbung Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim (BCSI) mulai 13 April hingga 26 April 2026. Adakah Encik A layak BDR?	Encik A adalah termasuk dalam sektor perkhidmatan penting (<i>essential services</i>) yang dikecualikan BDR.
6.	Adakah boleh sekiranya staf yang diarahkan BDR memilih untuk hadir ke pejabat seperti biasa?	Tidak boleh. Staf boleh hadir ke Kampus UTM, namun hanya boleh ke Bangunan Perpustakaan yang diwartakan sebagai Common Area sebagai ruang kerja alternatif bagi staf untuk bekerja.
7.	<p>Alamat rumah kediaman saya adalah di Bandar Dato Onn dan saya menghantar anak ke sekolah kebangsaan serta sekolah agama di Taman Sri Pulai.</p> <p>Dengan pelaksanaan BDR ini telah menyebabkan peningkatan penggunaan petrol kerana saya perlu pulang ke rumah selepas menghantar anak ke sekolah untuk melaksanakan BDR dan seterusnya berulang-alik semula dari rumah ke sekolah anak pada sebelah petang.</p> <p>Adakah saya dibenarkan untuk hadir bertugas di pejabat bagi mengelakkan pertambahan peningkatan kos penggunaan petrol?</p>	<p>Secara umumnya, staf perlu BDR di rumah staf di Bandar Dato Onn.</p> <p>Namun bagi mencapai matlamat penjimatan penggunaan petrol, staf boleh hadir ke Kampus UTM, namun hanya boleh ke Bangunan Perpustakaan yang diwartakan sebagai Common Area sebagai ruang kerja alternatif untuk bekerja.</p>
8.	Bagaimanakah sekiranya capaian internet adalah lemah semasa staf melaksanakan BDR?	Staf boleh hadir ke Kampus UTM, namun hanya boleh ke Bangunan Perpustakaan yang diwartakan sebagai Common Area sebagai ruang kerja alternatif bagi staf untuk bekerja.
9.	Adakah staf perlu memohon kelulusan jika hendak hadir ke kampus untuk ke <i>Common Area</i> ?	Staf perlu memohon Bekerja Dari Pejabat (BDP) di sistem iGerak.

Bil	Soalan	Jawapan
10.	<p>Dekan menerima permohonan dari pelajar tahun 4 untuk menggunakan makmal pada hari BDR bagi tujuan menyelesaikan kajian Projek Akhir Sarjana Muda. Adakah Dekan boleh mengarahkan staf makmal hadir ke kampus atas permohonan pelajar tersebut?</p>	<p>Secara umumnya, UTM telah menetapkan staf BDR pada setiap hari Selasa dan Khamis.</p> <p>Namun bagi memastikan perkhidmatan makmal kepada pelajar tidak terjejas, Fakulti hendaklah memohon kebenaran khas kepada Pendaftar sebelum mengarahkan staf hadir bertugas di kampus pada BDR hari Selasa untuk membantu pelajar menyelesaikan kajian Projek Akhir Sarjana Muda.</p> <p>Staf makmal tersebut perlu memohon Bekerja Dari Pejabat (BDP) di sistem iGerak.</p>
11.	<p>Adakah pegawai lantikan kontrak (<i>Contract Of Service</i>) layak untuk BDR?</p>	<p>Layak</p>
12.	<p>Adakah Staf lantikan lantikan kontrak (<i>Contract For Service*</i>) layak untuk BDR?</p> <p><i>*Nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Skim Akademik Fleksibel (SAF)</i> - <i>Skim Perkhidmatan Fleksibel (SPF)</i> - <i>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</i> 	<p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan staf untuk BDR namun perlu membuat penyesuaian semula hari berkerja di Pejabat.</p>
13.	<p>Adakah Staf lantikan Pekerja Sambilan Harian (PSH) layak untuk BDR?</p>	<p>Layak dan sepatutnya Staf PSH dibayar gaji dalam tempoh BDR. Kawalan kehadiran adalah melalui iGerak manakala kawalan produktiviti adalah melalui iKerja. Bagi staf-staf yang kaedah kawalan kehadiran dan produktivitinya adalah selain dari iGerak dan iKerja, maka kaedah kawalan lain hendaklah ditentukan oleh Ketua Jabatan.</p>
14.	<p>Adakah saya perlu merakam kehadiran semasa hari BDR?</p>	<p>Staf wajib merekodkan kehadiran masuk dan keluar (<i>Slide-In dan Out</i>) berdasarkan Waktu Bekerja Fleksibel</p>

Bil	Soalan	Jawapan
		(WBF) menggunakan aplikasi UTMSmart untuk melalui Modul iGerak.
15.	Adakah staf perlu mengisi Modul iKerja semasa hari BDR?	Staf diwajibkan melengkapkan tugas harian di Modul iKerja semasa hari BDR.
16.	Adakah staf yang BDR perlu hadir ke pejabat sekiranya diarahkan oleh Ketua Jabatan?	<p>Secara umumnya, semua staf UTM adalah diarahkan untuk BDR pada hari Selasa dan Khamis semasa tempoh kawalan operasi menangani krisis global.</p> <p>Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh mengarahkan staf untuk hadir bertugas di kampus pada hari Selasa untuk melaksanakan tugas-tugas yang mustahak dalam memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas.</p>
17.	Adakah staf dibenarkan untuk AKF pada 29 April 2026 (Rabu) memandangkan 30 April 2026 (Khamis) ialah hari BDR dan 1 Mei 2026 (Jumaat) adalah Cuti Hari Pekerja?	Sila rujuk Pekeliling, garis panduan dan surat peringatan AKF yang masih berjalan seperti biasa.
18.	Cuti Raya Aidiladha dijangka pada 27 Mei 2026 (Rabu). Adakah dibenarkan untuk BDR pada 28 Mei 2026 (Khamis)?	Bagi mengelakkan penyalahgunaan BDR, Staf adalah digalakkan untuk memohon Cuti Rehat yang berkecualan, Cuti Tanpa Rekod Kelompok jika tidak berada di lokasi yang tidak didaftarkan seperti di UTMHR.
19.	Adakah dibenarkan untuk AKF pada 29 Mei 2026 (Jumaat)	Sila rujuk Pekeliling dan garis panduan AKF yang masih berjalan seperti biasa.
20.	Adakah kerja lebih masa semasa BDR dibenarkan?	Staf tidak layak menuntut kerja lebih masa semasa pelaksanaan BDR.
MESYUARAT DAN PROGRAM		
21.	Adakah mesyuarat boleh dilaksanakan secara fizikal semasa hari pelaksanaan BDR?	Tidak dibenarkan. Mesyuarat hendaklah dilaksanakan secara dalam talian.

Bil	Soalan	Jawapan
22.	Apakah maksud “Hari Jumaat Tanpa Mesyuarat”?	Hari Jumaat ditetapkan sebagai hari tanpa mesyuarat bagi memberi fokus kepada tugas utama (<i>deep work</i>) untuk PTJ memberi fokus sepenuhnya dalam memastikan pelan tindakan UTM ASCEND 2030 yang ditetapkan, dicapai mengikut kuartil.
23.	Adakah mesyuarat boleh dilaksanakan pada hari Jumaat?	Tidak digalakkan. Hanya dibenarkan dengan kelulusan Ketua Jabatan bagi hal-hal strategik.
24.	Adakah program yang telah diluluskan pelaksanaan pada 21 hingga 23 April 2026 di luar UTM masih boleh diteruskan dilaksanakan?	Program masih boleh diteruskan. Bagi penganjuran mana-mana program atau aktiviti di luar kampus UTM yang telah diluluskan sebelum 15 April 2026 masih boleh diteruskan, namun kebenaran ini terhad kepada tarikh penganjuran sehingga 30 April 2026 sahaja dan memberi implikasi kewangan yang merugikan universiti jika dibatalkan.
LAIN-LAIN		
25.	Nama pegawai yang boleh dihubungi berkaitan pelaksanaan kawalan operasi kampus dalam menangani krisis tenaga global.	<p>Pelaksanaan BDR</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hj Mohd Najib bin Masroom, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar mohdnajib.kl@utm.my 2. Pn Hamidah binti Mat Arif, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar hamidah-ma@utm.my 3. Pn Norliza binti Abd Rahim, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, arnorliza@utm.my <p>Mesyuarat Program</p>

Bil	Soalan	Jawapan
		<p>1. En Nurul Amrie bin Abdullah Timbalan Pendaftar, Pejabat Pendaftar, nurulamrie@utm.my</p> <p><u>Penggunaan Kenderaan</u></p> <p>1. En Mohd Herme Yusman bin Mohd Tahir, Ketua Timbalan Pendaftar, JTNCNCP herme@utm.my</p> <p><u>Aktiviti Penyelidikan</u></p> <p>1. Encik Ganesan A/I Andimuthu, Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Timbalan Naib Canselor (P&I), ganesan@utm.my</p> <p>2. ChM. Rasyidi bin Abd Mubin, Pegawai Sains, Pusat Pengurusan Makmal Universiti, rasyidimubin@utm.my</p> <p><u>Kewangan dan Perbelanjaan</u></p> <p>1. Encik Muhammed Souffee bin Omar, Akauntan, Jabatan Bendahari, souffee@utm.my</p> <p>2. Encik Abdul Mun'im bin Amran, Akauntan, Jabatan Bendahari, abdulmunim@utm.my</p>